

SIASATAN ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA DI HARI CUTI

11 Mac 2023, Taman Seri Mangga, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima aduan pembakaran terbuka yang diadu oleh YB ADUN Kesidang. Susulan itu, pasukan peronda daripada Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah beegas menjalankan siasatan di lokasi diadu.

Hasil siasatan mendapati terdapat kesan pembakaran terbuka sampah sarap di lokasi diadu namun pelaku telah lama menghilangkan diri. Bagi mengelakkan kejadian sama berulang 'banner' larangan pembakaran terbuka telah dipasang di lokasi.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka komited untuk menangani aduan awam dan menyeru orang awam dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanIklim

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka